

ISLAM melihat perkahwinan sebagai suatu cara hidup semula jadi dan asas kepada perkembangan insan secara tersusun.

Dalam al-Quran, Surah an-Nisa juga ada menyentuh bahawa perkahwinan adalah 'perjanjian yang kuat'.

Manakala di Barat, perkahwinan difahami sebagai duduk bersama di

bawah satu bumbung antara seorang lelaki dengan seorang wanita secara sah.

Walau apa pun definisinya, perkahwinan adalah ikatan suci antara seorang lelaki bergelar suami dengan seorang wanita dipanggil isteri yang wajib dipertahankan hingga ke akhir hayat mereka.

Namun, pertambahan angka perceraian yang dicatatkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) daripada 19,475 pada tahun 2006 kepada 22,289 kes bagi 2008 di negara ini menunjukkan masalah keruntuhan rumah tangga semakin meningkat.

Ia membuktikan seolah-olah sikap positif seperti saling

hormat-menghormati, berlaku adil, bertolak-ansur serta berbelas kasihan antara suami dan isteri yang sepatutnya diamalkan sepanjang hayat demi kesejahteraan rumah tangga tidak dipupuk.

Persoalannya, apakah punca sebenar atau masalah yang mendorong pasangan sama ada suami, isteri atau



DR. SAEDAH A. GHANI

Kebanyakan kes perceraian pada usia emas berlaku apabila suami berkahwin lain dan menganiaya isteri yang menyebabkan isteri dicerai atau memohon cerai



PASANGAN Al Gore dan isterinya, Tipper mengumumkan perpisahan setelah 40 tahun hidup bersama.

MENGHARAPKAN kasih yang dibina kekal hingga ke hujung nyawa, namun akhirnya kecundang jua di tengah jalan. Lebih memilukan apabila perpisahan berlaku ketika masing-masing sedang meniti usia senja.

Trend bercerai pada usia tua semakin meningkat tanpa mengira negara, bangsa, agama mahupun warna kulit.

Contoh paling klasik membabitkan pasangan bekas Timbalan Presiden Amerika Syarikat, Al Gore, 62, yang mengumumkan perpisahan dengan isterinya, Tipper, 61. Mereka setelah 40 tahun hidup bersama.

Kata Pakar Kaunseling Keluarga, Profesor Madya Dr. Saedah A. Ghani perceraian di kalangan pasangan warga emas di negara ini juga membimbangkan walaupun kesnya tidak banyak.

Beliau yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkata, antara bukti yang dilihatnya adalah secara purata lima daripada 10 orang rakan baiknya bercerai pada usia emas.

"Ketika menuntut di luar negara, saya menganggap perceraian di kalangan usia emas hanya membabitkan masyarakat atau pasangan di negara Barat namun apabila pulang ke Malaysia, saya terkejut kerana ia juga semakin banyak di Asia termasuk Malaysia.

"Kebanyakannya berlaku apabila suami kahwin lain dan menganiaya isteri menyebabkan isteri dicerai atau memohon cerai," katanya ketika ditemui di pejabatnya di USIM baru-baru ini.

Perceraian membabitkan warga emas, kebiasaannya berlaku pada peringkat kelima perkembangan keluarga.

Ini kerana kata Saedah, perkembangan keluarga hampir sama dengan perkembangan tumbesaran manusia.

"Perkembangan keluarga membabitkan enam peringkat yang mana pada peringkat pertama, anak remaja mula mencari pasangan hidup dan peringkat kedua berlaku apabila pasangan berkahwin serta hidup bersama.

"Peringkat ketiga pula, pasangan suami isteri dan anak kecil manakala peringkat keempat, keluarga dengan anak remaja," katanya.

Saedah berkata, peringkat kelima digelar peringkat melancarkan keluarga yang mana



anak sudah dewasa dan keluar rumah sama ada melanjutkan pengajian atau berkahwin.

"Ketika ini, pasangan suami isteri akan tinggal berdua pada usia emas dan sudah pencon.

"Akhir sekali atau peringkat keenam, ia peringkat cabaran apabila anak mula mempersoalkan siapa akan menjaga ibu bapa yang menyebabkan warga emas ini terabai," tambahnya.

Pada masa sama, katanya, ketika peringkat ketiga sesetengah suami sudah mula berfikir untuk berkahwin lain akibat faktor tertentu seperti berasa kurang sesuai hidup bersama dan sebagainya.

Kebiasaannya, mereka tidak meneruskan atau 'menangguhkan' hasrat itu kerana tidak sampai hati apabila memikirkan anak yang masih kecil.

Namun, suami kebiasaannya akan berkahwin lain pada peringkat kelima. Ketika itu mereka sudah bebas dari tanggungjawab apabila anak dewasa.

"Dengan wang simpanan, pencon atau KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang diperolehi selepas bersara, suami akan mula memikirkan keinginan yang belum dicapai selama ini dan mula memenuhinya termasuk mungkin berkahwin lain.

"Saya bukan menyalahkan lelaki atau menyebelahi wanita, namun realitinya suami selalu menjadi punca perceraian.

"Berbeza dengan wanita kerana jika difikir wanita akan mula hilang tarikan pada usia 40-an yang menutup keinginan atau peluangnya untuk berkahwin lain," katanya.

Namun, ketika ditanya faktor lain seseorang lelaki berkahwin baru, akunya, sikap segelintir wanita yang memilih berkahwin dengan suami orang atau sanggup menjadi isteri kedua menyebabkan lelaki sanggup menceraikan isteri tuanya.

Tambahnya, bilangan wanita yang semakin ramai melanjutkan pengajian ke peringkat universiti berbanding lelaki mungkin antara faktor utama mereka sukar mencari individu setaraf untuk dijadikan pasangan hidup.

Bukti yang dapat dilihat, ujarnya, apabila daripada 68 pelajar yang ada dalam kelasnya, hanya lapan lelaki. Selebihnya wanita.

Faktor lain jejasnya, adalah krisis pertengahan umur yang kebiasaannya dialami warga emas yang membuatkan mereka berfikir sejauhmana sudah berjaya sebagai insan, ibu atau bapa apabila mencecah usia tua.

"Sekiranya mereka tidak gembira dengan apa yang dicapai, mereka akan memperbaikinya serta

Kes cerai pada usia emas makin serius

keduanya mencari jalan penyelesaian yang singkat dan mudah dengan memilih untuk bercerai.

Lebih menyedihkan, golongan warga emas yang sudah hidup 'di bawah satu bumbung' selama berpuluh tahun semakin ramai yang memilih jalan perceraian bagi menyelesaikan kemelut.

Mereka yang sepatutnya menjadi

contoh terbaik kepada pasangan muda untuk mencapai kebahagiaan berumah tangga kini menjadi bahan cemoahan atau dipandang sinis anak-anak, ahli keluarga, jiran, rakan-rakan dan masyarakat.

Wartawan MEGA, Faizatul Farhana Farush Khan menemui pakar dan individu yang berkenaan bagi merungkai masalah perceraian pada usia emas.

mula mencari kebahagiaan itu dan begitu sebaliknya

"Jika mereka tidak bahagia dengan perkahwinan dibina selama ini misalnya, mereka akan mencari pasangan baru dan berkahwin untuk mendapatkan kebahagiaan," tambahnya.

Menurut Saedah, jika mengikut peringkat perkembangan keluarga yang normal, seseorang itu perlu menyediakan diri dengan ilmu akhirat apabila sudah tua supaya menjadi insan lebih baik.

"Individu yang berkahwin baru seolah-olah memulakan kehidupan berkeluarga di peringkat awal seperti perlu menyediakan perbelanjaan yang banyak dan bebanan menyara keluarga baru.

"Perkahwinan itu juga boleh menimbulkan konflik seperti tanggapan buruk jiran dan masyarakat, perasaan malu anak dilihat sebagai cucu, disisih keluarga isteri tua serta tekanan kerana perlu mengikut permintaan atau

kegemaran isteri muda dan anak kecil," katanya.

Selain itu, jelasnya, seseorang perlu berjumpa dengan kaunselor jika mempunyai keinginan untuk berkahwin lain supaya dapat membuat pertimbangan dan keputusan terbaik.

Ujarnya, lebih baik jika suami berbincang dengan isteri dan anak-anak supaya mereka tahu dan faham namun ramai lelaki berkahwin secara sembunyi yang akhirnya menyebabkan isteri dan anak-anak memulakan apabila mengetahuinya.



Suami curang punca perceraian

KES 1

MARYAM Abdullah (bukan nama sebenar), 56, tidak pernah menyangka suami yang dinikahnya 34 tahun lalu sanggup berlaku curang di belakangnya dan berkahwin lain.

Dia berkata, mengikut maklumat yang diterima suaminya sudah mendirikan rumah tangga dengan seorang anak dara berusia 30-an kira-kira dua tahun lalu.

Menurut Maryam, dia langsung tidak menyedari kecurangan itu kerana tidak menunjukkan sebarang tanda perubahan. Malah suaminya pulang ke rumah setiap hari dan berkomunikasi seperti biasa dengannya dan anak-anak.

Segalanya terbongkar apabila dia menerima panggilan daripada seorang lelaki yang menceritakan kisah sebenar kerana kasihan melihat dirinya tertipu.

Selepas berulang-kali ditanya pada suami tentang dakwaan itu akhirnya dia mengaku sudah berkahwin lain dan meminta maaf kerana menipu Maryam selama ini.

Waktu itu Maryam berasakan dunianya gelap gelita. Segala kasih sayang dan pengorbanan membantu meringankan bebanan kewangan keluarga dengan mengambil upah menjahit pakaian di samping mengurus rumah tangga ternyata tidak dihargai suami.

Jika pemanggil itu tidak 'memecahkan rahsia', mungkin sehingga kini atau selamanya dia akan tertipu dengan lakonan hebat suaminya yang sudah berusia 58 tahun.

Menyedari peluang kedua tidak mungkin dapat mengubah kelukaan hatinya, dia nekad untuk bercerai dan sudah mengemukakannya kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

KES 2

KEBAHAGIAAN dibina Siti Maisarah Sofian Bidin (bukan nama sebenar), 52, dengan suaminya yang lapan tahun lebih tua daripadanya musnah gara-gara pembantu rumah.

Kira-kira 14 tahun lalu, Siti Maisarah meminta suaminya mengupah pembantu rumah untuk membantu menguruskan rumah tangga.

Pada mulanya, suami enggan menuruti permintaan itu dengan alasan tidak selesa ada orang luar dalam rumah mereka.


Namun akhirnya, seorang pembantu rumah diupah iaitu gadis dari Indonesia berusia 18 tahun itu terus bekerja di rumahnya kerana seorang yang amat rajin dan mudah memahami arahan majikan.

Beberapa tahun selepas kedatangan pembantu rumah, Siti Maisarah menyedari suaminya sudah mula berubah sikap daripada seorang yang penyayang kepada panas baran.

Keadaan tersebut berlarutan sehinggalah pada suatu pagi dia mendapati semua pakaian suaminya tiada dalam almari dan begitu juga dengan barangan pembantu rumahnya.

Maklumat yang diperoleh daripada seorang rakan rapat, membongkar rahsia bahawa rupa-rupanya suaminya sudah berkahwin dengan pembantu rumah berkenaan serta menetap di Indonesia.

Kini Siti Maisarah sedang menunggu pengesahan cerai daripada suami di mahkamah syariah selepas digantung tidak bertali selama bertahun-tahun. Perasaan malu kerana terpaksa bercerai pada usia sudah separuh abad terpaksa diketepikan demi masa depannya.



PADA usia meniti senja setiap pasangan suami isteri pasti mengharapkan kehidupan yang lebih bahagia dan aman bukannya perceraian.